

JALAN Titi Tinggi Tasoh di dalam Empangan Timah Tasoh yang menghubungkan Kampung Sahabat ke Jalan Batu 12 yang sebelum ini tenggelam sejak 22 tahun kini boleh dilalui kenderaan.

MALAYSIA MENDIDIH

Jalan lenyap timbul kembali

■ Laluan sepanjang satu kilometer yang hilang 22 tahun ditelan empangan kini boleh dilalui kenderaan

Aizat Sharif

mohd.aizat@mediaprima.com.my

Padang Besar

Jalan lama yang pernah lenyap dan dilupakan 22 tahun lalu selepas dinaiki air akibat pembinaan sebuah empangan muncul kembali setelah air mulai surut akibat fenomena cuaca panas melampau ketika ini.

Jalan sepanjang satu kilometer di Kampung Sahabat, Tasoh, menjadi penghubung Jalan Sahabat ke Batu 12, Kampung Tasoh, muncul kembali sejak beberapa minggu lalu.

Tinjauan Harian Metro di kawasan itu mendapati Jalan Titi Tinggi-Tasoh itu sudah tidak digunakan lagi oleh pen-

duduk Kampung Sahabat sejak 1994 iaitu dua tahun selepas Empangan Timah Tasoh yang terletak berhampiran kampung itu siap dibina.

Seorang penduduk kampung, Razali Saidin, 47, berkata, jalan itu ditenggelami selepas air Empangan Timah Tasoh memenuhi setiap ruangan di kawasan itu yang mempunyai keluasan tiga hingga empat padang bola sepak.

"Tempat ini dipenuhi air dan tiada siapa yang berani atau boleh menyeberangi laluan ini, namun sejak beberapa minggu lalu air sudah mulai surut dan jalan lama ini timbul dan boleh dilalui.

"Malah, air yang surut di kawasan itu juga menyebabkan perahu nelayan darat yang sering menangkap ikan

di empangan itu turut terdampar di persekitaran kawasan itu," katanya kepada Harian Metro.

Seorang lagi penduduk kampung, Mohd Faizal Baharom, 25, berkata, dia pernah mendengar cerita orang lama di kampungnya itu mengenai kewujudan jalan berkenaan tetapi disebabkan kawasan itu sudah dipenuhi air, dia memang tidak berkesempatan untuk melihatnya.

"Apabila musim kemarau sehingga menyebabkan air di kawasan ini surut, saya dapat melihat jalan itu seperti yang diperkatakan," katanya.

Meskipun jalan itu sudah lama terendam, ia masih boleh dilalui oleh kenderaan namun permukaan jalan itu sudah agak berlekuk.

Pembinaan Empangan Ti-

mah Tasoh bermula pada 1987 dan sebahagian besarnya disiapkan pada bulan Jun 1992.

Tasik yang diwujudkan oleh empangan itu adalah seluas kira-kira 1,300 hektar.

“

air yang surut di kawasan itu juga menyebabkan perahu nelayan darat yang sering menangkap ikan di empangan itu turut terdampar di persekitaran kawasan itu,”

Razali Saidin

